

# Dr. Mahathir diminta henti bangkitkan isu-isu panas

TELUK INTAN 15 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pihak lain menghentikan usaha membangkitkan lagi isu-isu panas yang boleh merugikan negara ini, terutama dalam bidang ekonomi.

Naib Ketuaanya, Khairy Jamaluddin berkata, pelabur asing yang ada di negara ini sedang memerhatikan beberapa kenyataan yang boleh menimbulkan keraguan mereka terhadap kestabilan politik negara.

Menurutnya, sejak beberapa isu dibangkitkan oleh Dr. Mahathir beberapa pelabur asing mulai merasa resah dengan keadaan politik di negara ini dan ia mungkin menjejaskan iklim pelaburan negara.

"Sehubungan itu saya meminta ahli UMNO dan bekas pemimpin seperti Tun tidak lagi membangkitkan isu-isu yang sudah dijawab pihak kerajaan kerana ia ternyata merugikan rakyat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Teluk Intan, di sini, hari ini.

Khairy berkata, ahli UMNO mesti menumpukan kerja-kerja melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak bercadang menghidupkan semula jambatan bengkak di Singapura berdasarkan keputusan muktamad Kabinet.

Oleh itu katanya, ahli UMNO tidak perlu membincangkan isu berkenaan secara berlarutan walaupun akar umbi memerlukan penjelasan.

Beliau meminta ahli UMNO bertenang dan menangani segala masalah dengan bijak tanpa menyinggung mana-mana pihak perlu menumpukan isu pembangunan sekiranya mahu terus berkuasa dan dipercayai.